



Untuk Kegunaan Bank

No. Permohonan: (AA:

) RUJUKAN: YA / TIDAK

CAWANGAN:

KOD CAWANGAN:

SYARAT PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("ASB") / AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2 ("ASB2") ("SYARAT PEMBIAYAAN")

1. **UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI** : Undang-Undang Malaysia
2. **KEMUDAHAN** :

Pembiayaan ini di bawah konsep Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq yang diluluskan oleh Bank dan bergantung kepada penilaian kredit dalaman oleh Bank dan kelulusan yang mana jumlah/kebenaran dan terma lain yang berkaitan hendaklah dimaklumkan kepada Pelanggan.

Kemudahan Pembiayaan boleh digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB/ASB2 (100% Margin Pembiayaan) atau tidak lebih daripada 105% sekiranya termasuk pembiayaan untuk Takaful (Pilihan).
3. **TUJUAN** : Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pembiayaan tidak akan digunakan untuk apa-apa aktiviti atau perkhidmatan tidak patuh Syariah. Bank mempunyai hak untuk menamatkan dan menarik balik Pembiayaan tersebut dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan jika Pelanggan gagal untuk mematuhi syarat ini.
4. **KOMODITI DITETAPKAN** :

Apa-apa komoditi yang ditentukan oleh Bank yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa representasi atau waranti daripada Bank berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti kepada pihak Bank bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan terhadap komoditi tersebut (kecuali apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan yang timbul daripada kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank).

Antara komoditi yang diguna pakai adalah seperti minyak sawit mentah (crude palm oil (CPO)), soya atau logam seperti aluminium dan tembaga, atau kombinasi daripada komoditi sedia ada.
5. **TEMPOH DAN JUMLAH BAYAR** : Bayaran bulanan hendaklah dibuat pada 5hb pada setiap bulan. Pihak Bank juga berhak meminda jumlah bayaran bulanan/tempoh Pembiayaan pada bila-bila masa tertakluk kepada Kadar Keuntungan Siling, dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan.
6. **CARA PEMBIAYAAN** :

Setelah Pelanggan menerima Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB/ASB2 ("**Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan**"), Pelanggan hendaklah melantik Bank sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dengan jualan dan pembelian komoditi bagi pihak Pelanggan yang tidak boleh ditarik balik. Selepas itu, merujuk kepada fasal 14 (Perlantikan Bank Sebagai Ejen Pelanggan Bagi Transaksi Komoditi) di bawah, Bank akan menjalankan semua transaksi komoditi bagi pihak Pelanggan.

Setelah transaksi pembelian dan penjualan selesai, jumlah Pembiayaan Pelanggan akan:

 - i. didepositkan/dikreditkan kepada RHB Bank Berhad untuk urusan berkaitan pembelian Sijil ASB/ASB2 dengan pihak ASNB; atau
 - ii. didepositkan/dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang diselenggarakan oleh Pelanggan dengan Bank, tertakluk kepada pemotongan yang telah dipersetujui, yang mana akan dianggap sebagai pembayaran penuh oleh Bank kepada Pelanggan di bawah Pembiayaan.
7. **HARGA JUALAN BANK BAGI KOMODITI (HARGA JUALAN)** : Harga Jualan bagi komoditi adalah tetap yang terdiri daripada Jumlah Pembiayaan + Jumlah Keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling. Harga Jualan ini berdasarkan kontrak jualan komoditi daripada pihak Bank kepada Pelanggan pada asas pembayaran tertangguh.
8. **KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF** : Kadar ini tertakluk kepada apa-apa perubahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan daripada pihak Bank.
9. **CARA BAYARAN HARGA JUALAN (ANSURAN)** :

Apa-apa perubahan kepada bayaran bulanan ("**bayaran ansuran**") dan tempoh bagi pembayaran Pembiayaan akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan melalui notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan daripada Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada Harga Jualan yang mana tetap tidak berubah.

Bayaran ansuran hendaklah dibuat pada 5hb pada setiap bulan selepas hasil daripada jualan komoditi kepada Broker B (tertakluk kepada pemotongan yang telah dipersetujui) didepositkan/dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan, dan bayaran ansuran berikutnya harus dibayar pada tarikh yang sama dalam bulan berikutnya sehingga keseluruhan Pembiayaan dibayar sepenuhnya.

Sekiranya berlaku apa-apa kegagalan pembayaran, bayaran ansuran yang tidak mencukupi atau kekurangan atas sebab-sebab termasuk dana atau jumlah perlindungan daripada pelan Takaful yang tidak mencukupi untuk menyelesaikan baki Pembiayaan (jika berkenaan), Pelanggan hendaklah dengan segera membayar bayaran ansuran atau jumlah yang kurang, terus kepada Bank, dengan memaklumkan perkara yang sama kepada Bank.

Nota: Bayaran terakhir yang perlu dibayar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada bayaran ansuran lain, bergantung pada baki Pembiayaan yang masih belum dibayar pada bulan terakhir berikutan perubahan KASI sepanjang tempoh Pembiayaan.
10. **PAMPASAN (TA'WIDH) AKIBAT PEMBAYARAN** : Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Bank seperti yang berikut :
 - a) bagi apa-apa kegagalan Pelanggan untuk membayar bayaran tertunggak di bawah Pembiayaan ini dari tarikh pembayaran pertama sehingga tarikh matang bagi Pembiayaan ini, Pelanggan hendaklah

TERTUNGGAK	<p>membayar bayaran pampasan kepada Bank pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. ke atas jumlah tertunggak dalam kes kelalaian ke atas pembayaran berjadual; atau ii. ke atas baki Pembiayaan ini yang masih belum dijelaskan kerana kelalaian yang menyebabkan Pembiayaan ini ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh tamat Pembiayaan. <p>b) bagi apa-apa kegagalan Pelanggan untuk membayar sebarang jumlah yang tertunggak dan kegagalan adalah berterusan di luar tempoh Pembiayaan tersebut atau selepas penghakiman diperolehi (yang mana terdahulu), pada kadar untuk setahun seperti yang ditetapkan dan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sebelum dan juga selepas penghakiman) dengan syarat kadar pampasan yang terpakai tidak boleh pada bila-bila masa melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam BNM, terhadap jumlah baki tertunggak bagi Pembiayaan ini yang dikira pada asas harian;</p> <p>c) jumlah pampasan itu tidak boleh dikompaun;</p> <p>d) atau apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.</p>
11. PENYELESAIAN PEMBIAYAAN	<p>a) Pihak Bank bersetuju bahawa pada bila-bila masa tanpa notis Pelanggan boleh membuat bayaran penyelesaian Pembiayaan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dengan syarat tiada tunggakan ke atas Pembiayaan berdasarkan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Caj Penyelesaian Awal tidak akan dikenakan ke atas Pelanggan sekiranya membuat penyelesaian awal ke atas baki Pembiayaan; ii. Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran akan mengurangkan baki prinsipal Pembiayaan seterusnya mengurangkan pengiraan keuntungan ke atas Pembiayaan. <p>b) Pihak Bank juga tidak bertanggungjawab dan tidak menjamin kelulusan pembelian Sijil ASB/ASB2 dengan pihak ASNB (kecuali ketidaklulusan timbul daripada kecuaihan berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank). Sekiranya terdapat kegagalan dalam pembelian Sijil ASB/ASB2 dari pihak ASNB, pihak Bank berhak untuk menamatkan perjanjian ini dengan memberi notis bertulis terdahulu kepada Pelanggan. Jumlah Pembiayaan yang terhasil dari transaksi komoditi akan digunakan oleh pihak Bank untuk menyelesaikan jumlah Pembiayaan Pelanggan serta menamatkan perjanjian ini.</p>
12. REBAT (IBRA')	<p>Bank akan memberi Rebat (Ibra') kepada mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung dengan apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah Pembiayaan dalam mana-mana keadaan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh Pelanggan termasuk bayaran pendahuluan; ii. apa-apa penyelesaian Pembiayaan disebabkan mana-mana penyusunan semula Pembiayaan oleh Pelanggan; iii. apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan apabila berlakunya Kejadian Kemungkinan; seperti yang ditetapkan di bawah perenggan d) di dalam Terma dan Syarat Am; iv. apa-apa penyelesaian oleh Pelanggan dengan menamatkan atau membatalkan Pembiayaan sebelum tamat tempoh Pembiayaan; v. perbezaan di antara jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling (jika ada). <p>Rebat (Ibra') = * Baki keuntungan belum diperolehi - Caj penyelesaian awal (jika ada). <i>* Baki keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan tidak nyata pada masa penyelesaian penuh.</i></p> <p>Pengiraan Rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.</p>
13. CAGARAN SIJIL ASB/ASB2	<p>Pelanggan (dan/atau mana-mana ejen, yang mana berkenaan) mencagar dan/atau menyerahkan hak dan/atau menyandar akan dan/atau mendeposit kepada RHB Bank Berhad melalui cagaran pertama yang dikenakan ke atas Sijil ASB/ASB2 Pelanggan dari ASNB seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan atau apa-apa jumlah lain unit amanah Sijil ASB/ASB2 yang Pelanggan adalah berhak untuk membeli seperti yang ditentukan oleh ASNB (mengikut mana-mana berkenaan), sebagai jaminan berterusan untuk pembayaran, apabila diminta, semua dan/atau mana-mana liabiliti Pelanggan dengan Bank sama ada pada masa ini atau selepas Pembiayaan ini termasuk keuntungan dan semua caj lain sehingga tarikh penyelesaian Pembiayaan.</p> <p>Nilai cagaran Sijil ASB/ASB2 adalah berdasarkan nilai prinsipal sahaja dan tidak termasuk dividen.</p> <p>Semasa dan selagi Pembiayaan ini tidak dijelaskan dengan sepenuhnya, Sijil ASB/ASB2 tidak boleh ditarik balik atau diserahkan hak atau dipindah milik atau diwujudkan amanah keatasnya kepada mana-mana pihak.</p> <p>Bank boleh mengikut budi bicaranya menghendaki Pelanggan (dan/atau ejen, yang mana berkenaan) melakukan apa-apa perbuatan atau tindakan atau menguatkuasakan apa-apa borang atau dokumen, notis, pengesahan untuk tujuan menyempurnakan dan/atau mencairkan cagaran ke atas Sijil ASB/ASB2 Pelanggan dan Pelanggan (dan/atau ejen, yang mana berkenaan) hendaklah bertindak/melakukan seperti yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank.</p> <p>Pelanggan hendaklah pada setiap masa tidak mengambil atau tidak melakukan apa-apa tindakan yang boleh memberi kesan dan menjejaskan atau boleh mengurangkan nilai unit amanah Sijil ASB/ASB2 atau</p>

yang boleh menyebabkan apa-apa pengubahan atau pengurangan bagi terma dan syarat yang dinyatakan di sini atau apa sahaja hak yang diwujudkan.

14. PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN PELANGGAN BAGI TRANSAKSI KOMODITI

- a) Pelanggan bersetuju melantik Bank sebagai ejen yang akan menjalankan semua transaksi berkaitan dengan jualan dan pembelian komoditi bagi pihak Pelanggan dan tidak akan membatalkan pelantikan ini selagi Pembiayaan ini masih ada.
- b) Pihak Bank akan membeli komoditi pada harga belian bersamaan Jumlah Pembiayaan (seperti yang ditakrifkan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan) dan selepas menerima pemilikan komoditi, pihak Bank akan menjual komoditi tersebut kepada pihak Bank (sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan tertanggung seperti yang dijelaskan dalam fasal 7.
- c) Selepas komoditi itu telah dibeli menurut subfasal (b) di atas, Pelanggan mempunyai hak untuk menerima penghantaran komoditi tersebut. Sekiranya Pelanggan memilih untuk menggunakan hak ini, Pelanggan dikehendaki memaklumkan kepada Bank dengan serta merta dan membayar Harga Jualan komoditi tersebut secara tunai kepada Bank. Seterusnya, semua kos yang berkaitan dan perbelanjaan penghantaran komoditi itu kepada Pelanggan akan ditanggung pada kos dan perbelanjaan Pelanggan sendiri.
- d) Jika Pelanggan tidak menggunakan hak tersebut, pihak Bank menganggap bahawa Pelanggan bersetuju untuk Bank meneruskan dan bertindak sebagai ejen Pelanggan seterusnya berurusan dengan komoditi itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subfasal (e) di bawah.
- e) Sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima penghantaran komoditi yang dibeli, Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual komoditi yang dibeli bagi pihak Pelanggan dengan harga yang sama dengan Jumlah Pembiayaan mengikut terma pembayaran serta-merta dan membayar hasil kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga sesuai dengan tujuan kemudahan Pembiayaan.
- f) Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan tidak boleh membatalkan pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan selagi kemudahan Pembiayaan disediakan untuk Pelanggan. Bank sebagai ejen tunggal dan eksklusif Pelanggan, boleh bertindak sebagai ejen yang tidak didedahkan dan berkuasa untuk mewakili hak dan tanggungjawab Bank sebagai ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyiapkan urus niaga yang diperlukan.
- g) Semua tindakan Bank sebagai ejen bagi pihak Pelanggan akan kekal terikat ke atas Pelanggan dan tidak terjejas oleh apa-apa kejadian yang berlaku yang mungkin menyebabkan pelantikan ini terbatal melainkan jika Bank mempunyai pengetahuan sebenar mengenai kejadian tersebut. Sebagai balasan kepada Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan, Pelanggan hendaklah menanggung rugi pihak Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua sifat yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank hasil daripada tindakannya sebagai ejen Pelanggan (kecuali apa-apa tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank).
- h) Transaksi komoditi ini dibuat menggunakan platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi pembelian dan penjualan komoditi berasaskan Tawarruq dijalankan dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah RHBIB. Transaksi komoditi semasa adalah menggunakan platform DDCAP Group dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

15. PEMBELIAN KOMODITI

- Pelanggan dengan ini bersetuju untuk:
- a) membuat pesanan dan meminta Bank membeli komoditi yang ditetapkan pada harga belian seperti yang tertera pada Jumlah Pembiayaan, Seksyen A – Butir-Butir Pembiayaan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan.
 - a) mengakui bahawa pembelian komoditi ditetapkan oleh pihak Bank adalah atas permintaan Pelanggan dan Pelanggan mengaku janji untuk membeli keseluruhan komoditi ditetapkan itu pada Harga Jualan daripada Bank setelah Bank membeli komoditi tersebut. Sekiranya Pelanggan gagal dalam memenuhi akujanji untuk membeli keseluruhan komoditi setelah Bank membeli komoditi tersebut, Bank berhak menuntut gantirugi daripada Pelanggan terhadap sebarang kerugian sebenar yang Bank alami akibat dari kegagalan Pelanggan.

16. PELANTIKAN RHB BANK BERHAD SEBAGAI EJEN PELANGGAN UNTUK TRANSAKSI SIJIL ASB/ASB2

- Dalam menguruskan Pembiayaan ini Pelanggan bersetuju untuk :
- a) membenarkan Bank memindahkan wang Pembiayaan kepada RHB Bank Berhad untuk pembelian Sijil ASB/ASB2;
 - b) Pihak RHB Bank Berhad adalah secara tidak boleh ditarik balik dilantik menjadi ejen kepada Pelanggan di dalam pembelian unit amanah Sijil ASB/ASB2 dan menguruskan penyimpanan Sijil ASB/ASB2 bagi pihak Bank dan berurusan dengan pihak ASNB bagi pihak Pelanggan (*hanya untuk Pelanggan yang membeli Sijil ASB/ASB2 yang baharu*);
 - c) pihak RHB Bank Berhad adalah secara tidak boleh ditarik balik dilantik menjadi ejen kepada RHB Islamic di dalam urusan unit amanah Sijil ASB/ASB2 dan segala urusan penyimpanan Sijil ASB/ASB2 dan berurusan dengan pihak ASNB bagi pihak Pelanggan (*hanya untuk Pelanggan yang mempunyai Sijil ASB/ASB2 yang sedia ada*);
 - d) bersetuju membenarkan wakil dari RHB Bank Berhad untuk mengambil Sijil ASB/ASB2¹ bagi pihak Pelanggan daripada ASNB dan seterusnya mencagarkan Sijil ASB/ASB2 tersebut kepada RHB Bank Berhad (sebagai ejen pihak Bank);
 - e) memberi kuasa kepada RHB Bank Berhad untuk mengendalikan dan/atau mencairkan Sijil ASB/ASB2 dan apa-apa perkara berkaitan dengan Sijil ASB/ASB2 tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh RHB Islamic dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh/penyelesaian

¹ Jumlah Sijil ASB/ASB2 = Jumlah Pembiayaan – GRIT, Seksyen A – Butir-Butir Pembiayaan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan.

	<p>Pembiayaan;</p> <p>f) bersetuju menyerahkan Sijil ASB/ASB2 kepada RHB Bank Berhad, sekiranya ia diserahkan secara terus kepada Pelanggan seberapa segera dan memaklumkan kepada Bank, dimana Pelanggan mengaku janji bahawa selagi Sijil ASB/ASB2 tersebut tidak diserahkan kepada RHB Bank Berhad, Pelanggan hanyalah memegangnya sebagai amanah bagi pihak RHB Bank Berhad dan akan menyerahkannya kepada pihak RHB Bank Berhad dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan Sijil ASB/ASB2 itu dari ASNB;</p> <p>g) bersetuju untuk menanggung segala kerugian yang akan berlaku di atas arahan Pelanggan ini selagi pihak RHB Bank Berhad telah melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya (melainkan kerugian berkenaan disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan pihak RHB Bank Berhad).</p>
<p>17. PELUPUSAN SIJIL ASB/ASB2</p>	<p>: Bank berhak untuk mengarahkan RHB Bank Berhad dengan segera untuk melupuskan, mencairkan atau menjual unit amanah Sijil ASB/ASB2 yang dicagarkan kepada pihak Bank, yang difikirkannya patut melalui ejen tersebut yang dilantik atau mana-mana syarikat di dalam Kumpulan Perbankan RHB, sekiranya berlaku Kejadian Kemungkinan.</p> <p>Hasil jualan itu akan dikreditkan ke arah pelarasan dan/atau penyelesaian liabiliti Pelanggan dengan Bank. Sebarang pengurangan dalam akaun itu akan diselesaikan oleh Pelanggan. Kuasa Bank hendaklah termasuk kuasa:</p> <p>i. mengambil milik, mengumpul dan mendapatkan Sijil ASB/ASB2 atau mana-mana bahagiannya;</p> <p>ii. untuk menjual, menukarkan, menukar kepada wang atau melupuskan atau merealisasikan Sijil ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank sama ada melalui tawaran awam atau perjanjian persendirian dan bagi balasan atau apa-apa nilai dan atas apa-apa terma sebagaimana yang Bank boleh membuat keputusan mengikut budi bicaranya;</p> <p>iii. untuk menjalankan atau menyebabkan atau membenarkan menjalankan segala kuasa atau hak-hak yang berkaitan dengan pemilikan Sijil ASB/ASB2 atau mana-mana bahagian daripadanya;</p> <p>iv. untuk menyelesaikan, menyesuaikan, tolak ansur dan mengatur apa-apa tuntutan/penyelesaian, akaun, pertikaian, soalan dan permintaan yang berkaitan dalam mana-mana cara untuk Sijil ASB/ASB2 atau mana-mana bahagiannya;</p> <p>v. untuk membawa, mendakwa, menguatkuasakan, mempertahankan dan/atau meninggalkan apa-apa tindakan, guaman atau prosiding atas apa-apa perkara atau terhadap mana-mana pihak yang berkaitan dengan Pembiayaan ini sebagaimana yang difikirkan patut dan perlu oleh Bank; dan</p> <p>vi. untuk melakukan semua tindakan dan/ atau perkara-perkara yang perlu atau wajar atau suai manfaat bagi merealisasikan Sijil ASB/ASB2 dan penyelesaian penuh semua liabiliti yang terhutang kepada Bank.</p>
<p>18. TAKAFUL</p>	<p>: Pelanggan hendaklah mengambil pelan Takaful bagi melindungi Pembiayaan berkenaan sama ada daripada syarikat Takaful yang tersenarai sebagai syarikat Takaful panel Bank atau daripada syarikat Takaful sah yang lain pilihan Pelanggan sendiri. Pelanggan layak mendapat Pembiayaan bagi kos perlindungan Takaful, jika menggunakan khidmat Syarikat Takaful panel Bank dan jumlah ini akan termasuk dalam jumlah keseluruhan Pembiayaan.</p>
<p>19. FI, KOS DAN PERBELANJAAN LAIN</p>	<p>: Fi dokumentasi iaitu, fi pengendorsan sebanyak RM50 dan duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan dan didebitkan daripada akaun Pembiayaan Pelanggan pada bayaran ansuran yang pertama. Fi ini setelah dibayar tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan sekiranya Pembiayaan ini terbatal atau tidak diteruskan.</p> <p>Semua caj, fi guaman dan profesional, duti setem, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa), penangguhan atau apa jua potongan yang lain dan sebagainya yang berkaitan dengan Pembiayaan termasuk fi peguamcara Bank (atas dasar peguamcara-klien) dan/atau jika apa-apa wang yang diberikan perlu didapatkan semula melalui apa-apa proses undang-undang atau oleh peguam Bank, maka ia mesti ditanggung oleh Pelanggan.</p>
<p>20. LAIN-LAIN YURAN, CUKAI & PERBELANJAAN</p>	<p>: Pelanggan hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa) dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan Pembiayaan ini.</p>
<p>21. PEMBATALAN PEMBIAYAAN/ TINDAKAN UNDANG-UNDANG</p>	<p>: Pihak Bank adalah berhak menahan sebarang pengeluaran Pembiayaan ini, dan/atau menarik balik Pembiayaan ini (dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu) dan/atau mengambil tindakan undang-undang terhadap Pelanggan sekiranya terdapat sebarang pembayaran Pembiayaan ini tidak dijelaskan oleh pihak Pelanggan, atau didapati mana-mana pihak mengambil tindakan mahkamah yang melibatkan Pelanggan atau akaun bersekutu dengan Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemilik, ahli kongsi, pengarah atau Pelanggan, atau terdapat perintah mufliis/tidak siaman atau berlakunya kematian ke atas Pelanggan.</p> <p>Bagi menyelesaikan baki atau penamatan Pembiayaan ini atas permintaan Pelanggan, notis jualan selama satu (1) bulan hendaklah dikemukakan kepada cawangan-cawangan yang berkenaan. Manakala bagi akaun tertunggak selama dua (2) bulan atau lebih, pihak Bank berhak menjual Sijil ASB/ASB2 Pelanggan.</p>
<p>22. PENDEDAHAN MAKLUMAT</p>	<p>: Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejenjnya untuk memproses, mendedahkan, menyimpan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen- dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal Pelanggan, akaun-</p>

akaun, kemudahan-kemudahan, rakan kongsi (jika berkaitan) kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk:

- (i) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan termasuk, jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB;
- (ii) mana-mana pihak berkuasa/ pengawal selia/ pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh mahkamah;
- (iii) mana-mana pihak yang membekalkan sekuriti bagi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan; ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
- (iv) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perantaraan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, jika berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi mendapatkan kembali wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan, di mana berkenaan;
- (v) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kutipan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan
- (vi) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk membuat apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.

23. SYARAT-SYARAT LAIN

- a) Pelanggan dikehendaki membayar Kadar Keuntungan Efektif dan yang dinyatakan mengikut peringkat (jika berkenaan) berdasarkan pengiraan keuntungan harian selepas pembayaran Pembiayaan dilakukan.
- b) Pihak Bank berhak untuk mencairkan Sijil ASB/ASB2 dalam hal Kejadian Kemungkinan.
- c) Notis bertulis empat belas (14) hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan bayaran ansuran untuk dua (2) bulan berturut-turut. Pelanggan diberikan empat belas (14) hari untuk membuat bayaran ansuran yang tertunggak. Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh empat belas (14) hari tersebut, pihak Bank akan menjual Sijil ASB/ASB2 tersebut.
- d) Pihak Bank adalah bebas dan berhak mengenakan dan/atau meminda segala yuran atau bayaran dari semasa ke semasa jika perlu, dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan.
- e) Pelanggan dikehendaki menandatangani dokumen-dokumen berikut sebagai cagar Pembiayaan:
 - i. "Memorandum of Deposit for Unit Trust (First Party/Third Party)"
 - ii. Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah menerusi Pembiayaan
- f) Berdasarkan budi bicara Bank, notis untuk perubahan, penambahan atau pindaan akan berkuatkuasa melalui:-
 - i. Pameran notis tersebut di premis Bank dan cawangan-cawangannya untuk jangka masa tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar atau dengan menghantar notis tersebut kepada Pelanggan; atau
 - ii. Pameran notis tersebut melalui laman web rasmi Bank
- g) Bank berhak dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan untuk menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun dan liabiliti Pelanggan, dengan dan kepada Kumpulan Perbankan RHB sehingga bahagian prinsipal sahaja untuk akaun bukan Islam di mana sahaja sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan mana-mana orang lain, dan Bank boleh memindahkan atau menolak apa-apa jumlah wang yang ada dalam akaun tersebut bagi menjelaskan mana-mana liabiliti Pelanggan sama ada sebenar atau kontingen, utama atau cagar, walaupun baki kredit dalam akaun tersebut dan liabiliti dalam mana-mana akaun lain mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Bank diberi kuasa untuk melaksanakan apa-apa pertukaran yang perlu menurut kadar pertukaran semasa Bank pada masa itu.
- h) Bank juga berhak untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan (sama ada dalam kredit atau debit) dengan Bank untuk semua bayaran yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank walau dengan apa jua cara pun dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

24. PINDAAN DAN/ ATAU SYARAT TAMBAHAN

- a) Bank boleh pada bila-bila masa selepas ini dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan atau atas permintaan Pelanggan menukar dan/atau mengubah semua atau mana-mana bahagian Pembiayaan yang diberi kepada kemudahan lain dan jika ini berlaku, liabiliti atau obligasi yang wujud menurut dokumen ini akan terus sah dan mengikat, walau apa pun tambahan atau perubahan tersebut dan tertakluk kepada perubahan seperti yang akan dimaklumkan oleh Bank (sama ada tersirat oleh undang-undang atau kegunaan dagangan yang mentadbir atau terpakai untuk tambahan atau perubahan tersebut).
- b) Terma-terma Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, diubah oleh pihak Bank dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan, DENGAN SYARAT pindaan atau perubahan itu tertakluk kepada dan mematuhi dan menepati prinsip Syariah. Melainkan Pelanggan memberi notis bertulis kepada Bank, pindaan dan perubahan itu akan dianggap sebagai telah dibuat dan hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai menjadi sebahagian daripada Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan pada masa ianya dimeterai.

25. SYARAT PEMBIAYAAN TERMASUK TERMA DAN SYARAT AM : Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat di dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan.

Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am seperti yang dinyatakan di bawah merupakan sebahagian penting kepada seluruh Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau perselisihan antara Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dengan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am, maka Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan adalah terpakai untuk tujuan tafsiran.

Sila akui penerimaan kemudahan Pembiayaan berdasarkan segala syarat di dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am dengan menandatangani dan mengembalikan salinan pendua Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan.

TERMA DAN SYARAT AM

a) PERNYATAAN DAN JAMINAN

Pelanggan menyatakan dan memberikan jaminan kepada Bank bahawa:

- (i) Pelanggan mempunyai hak, autoriti, kuasa dan keupayaan sepenuhnya dari segi undang-undang untuk menerima Pembiayaan dan untuk melaksanakan obligasinya menurut semua terma dan syarat di dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am;
- (ii) Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan membentuk obligasi yang sah dan mengikat di sisi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan menurut terma masing-masing;
- (iii) semua kebenaran, pemberian kuasa dan kelulusan yang diperlukan atau yang sebaiknya diperoleh berhubung dengan penerimaan, penyerahan, kesahan atau kebolehlaksanaan Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan penggunaan Pembiayaan telah diperoleh serta dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya;
- (iv) penerimaan oleh Pelanggan atau penyerahan Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan atau pun pelaksanaan syarat dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am tidak akan melanggar atau membentuk keingkaran di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah yang Pelanggan tertakluk kepadanya;
- (v) Pelanggan tidak mungkir di bawah mana-mana perjanjian yang mana Pelanggan adalah satu pihak atau yang Pelanggan boleh terikat dengannya dan tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran sedang berjalan atau belum selesai atau yang boleh dikenakan terhadap Pelanggan;
- (vi) semua maklumat yang dikemukakan oleh Pelanggan kepada Bank berkaitan dengan Pembiayaan adalah benar dan betul dan tidak terdapat peninggalan, yang akan menyebabkan maklumat menjadi tidak tepat atau mengelirukan; dan
- (vii) tiada prosiding kebangkrapan sedang berjalan, belum selesai atau yang boleh dikenakan terhadap Pelanggan.

b) PRA-SYARAT

Pembiayaan boleh digunakan oleh Pelanggan setelah pra-syarat berikut dipenuhi:

- (i) Pelanggan hendaklah lulus penilaian kredit dalaman Bank dan kelulusan memuaskan Bank;
- (ii) Bank telah menerima penerimaan Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan daripada Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (iii) semua dokumen yang dikehendaki dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan/atau dokumen lain seumpamanya yang mungkin dikehendaki oleh Bank dan/atau peguamcaranya hendaklah dilaksanakan oleh Pelanggan, dimatikan setem dan didaftarkan sewajarnya di pejabat pendaftaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan atau tempoh lain yang ditetapkan dan dimaklumkan oleh Bank;
- (iv) Pelanggan hendaklah membayar semua fi atau caj yang perlu dibayar atau yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan kepada Bank untuk atau berkaitan dengan Pembiayaan;
- (v) tiada Kejadian Kemungkinan (seperti yang ditetapkan di bawah perenggan d) atau tiada kejadian yang dengan pemberian notis atau berlalunya masa atau kedua-duanya yang boleh membentuk Kejadian Kemungkinan telah berlaku atau sedang berlaku;
- (vi) tiada keadaan luar biasa atau perubahan undang-undang atau tindakan lain kerajaan telah berlaku yang menyebabkan Pelanggan tidak mungkin dapat mematuhi atau melaksanakan wa'ad (janji) dan obligasi dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am; dan
- (vii) hasil carian ke atas Pelanggan di Jabatan Insolvensi Malaysia memuaskan Bank.
- (viii) Pelanggan dikehendaki memahami dengan jelas segala informasi mengenai Garis Panduan Pemberian Pembiayaan seperti yang telah diterangkan oleh kakitangan jualan atau pengurus jualan dan memahami dengan jelas tentang pelan pembayaran pembiayaan.
- (ix) Sebelum bersetuju dengan tawaran ini, pelanggan hendaklah mengetahui dan memahami dengan jelas mengenai implikasi and kewajiban membayar hutang selepas bersara. Adalah penting bagi pelanggan untuk mempunyai pelan pembayaran selepas bersara seperti yang telah dijelaskan oleh kakitangan jualan atau pengurus jualan.

c) WAAD AFIRMATIF

Selama tempoh Pembiayaan, Pelanggan akan :

- (i) membayar, menjelaskan atau dengan cara lain melunaskan tepat pada waktunya pada atau sebelum tempoh matang atau sebelum menjadi tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran ansuran di bawah Pembiayaan ini dan semua keterhutangannya dan obligasi lain walau apa pun bentuknya;
- (ii) pada masa yang sama melaksanakan dan menjalankan mana-mana dan semua obligasinya di bawah Pembiayaan;
- (iii) mengambil semua langkah seperti yang mungkin perlu bagi memastikan bahawa tidak ada kesan yang teruk dan ketara ke atas kedudukan kewangan Pelanggan;
- (iv) memberikan semua maklumat yang perlu secara munasabah berkaitan dengan Pelanggan kepada Bank; dan
- (v) memaklumkan Bank jika berlakunya Kejadian Kemungkinan atau apa-apa kejadian kemungkinan berkaitan dengan apa-apa keterhutangan lain Pelanggan.

d) KEJADIAN KEMUNGKIRAN

Jumlah keseluruhan yang belum dijelaskan di bawah Pembiayaan bersama dengan pampasannya (jika ada) dan semua wang lain berkaitan dengannya perlu dibayar oleh Pelanggan apabila diminta oleh Bank atau setelah berlakunya mana-mana perkara berikut:

- (i) Pelanggan mungkir membuat pembayaran ansuran atau pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar kepada Bank selepas ia menjadi terhutang sama ada diminta secara rasmi atau tidak;
- (ii) Pelanggan mungkir di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am yang tidak dapat diremedi atau yang dapat diremedi, tetapi tidak diremedi dalam tempoh empat belas (14) hari selepas dikehendaki berbuat demikian oleh Bank;
- (iii) apa-apa pernyataan, waranti atau syarat yang dibuat atau dinyatakan oleh Pelanggan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am adalah dengan materialnya tidak benar atau mengelirukan;
- (iv) apa-apa kejadian lain atau beberapa kejadian sama ada berkaitan atau tidak, telah berlaku, yang pada pendapat Bank boleh atau mungkin memberikan kesan atau menjejaskan keupayaan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau mana-mana obligasi Pelanggan menurut Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am;
- (v) Pelanggan terlibat dalam apa-apa tindakan kebangkrutan atau menjadi bankrap atau meninggal dunia atau menjadi tidak siaman;
- (vi) mana-mana dokumen yang diberi kepada Bank adalah atau menjadi, atas apa jua sebab, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan;
- (vii) jika Bank menganggap bahawa Pembiayaan atau kedudukan Pelanggan berkaitan dengan pembayaran Pembiayaan adalah terancam.

e) HAK BANK UNTUK MEMULAKAN PROSIDING UNDANG-UNDANG SECARA SERENTAK

Apabila Pelanggan mungkir atau melanggar mana-mana syarat, waad, ketetapan dan/atau akujanji yang diperuntukkan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am dan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pelanggan, Bank akan selepas itu berhak melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang ada sama ada melalui Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan, statut atau selainnya dan berhak melaksanakan remedi tersebut secara serentak, termasuk mengambil tuntutan sivil untuk mendapatkan kembali semua wang yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank.

f) SURAT KUASA WAKIL

Pelanggan sebagai jaminan secara tidak boleh ditarik balik melantik Bank dan setiap perwakilan atau sub-wakil (jika ada) yang telah ditetapkan oleh Bank untuk mewakili Pelanggan atas nama Pelanggan atau sebaliknya dengan kuasa penuh penggantian untuk:

- (i) melaksanakan dan melakukan jaminan, tindakan dan perkara-perkara yang Pelanggan patut lakukan di bawah peruntukan syarat-syarat dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat; dan/atau
- (ii) melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa pemindahan atau dokumen yang dikehendaki oleh Bank bagi menyempurnakan dan/atau mencairkan cagaran atau sekuriti ke atas Sijil ASB/ASB2; dan/atau
- (iii) mendapatkan semula dan/atau untuk menerima daripada mana-mana pihak yang terlibat kesemua jumlah yang perlu dibayar kepada Pelanggan berkenaan dengan Sijil ASB/ASB2 dan/atau menguatkuasakan apa-apa hak berkenaan dengannya dan memberikan resit yang sah, dan/atau
- (iv) mengambil prosiding itu pada kos dan perbelanjaan Pelanggan, sama ada melalui tindakan, tekanan atau selainnya sebagaimana yang Bank boleh mengikut budi bicaranya dianggap perlu atau patut dan/atau untuk menguatkuasakan mana-mana hak yang tersebut di atas dan Pelanggan mengesahkan apa jua tindakan dan perbuatan wakil atau wakil-wakil seperti Pelanggan secara sah melakukan di bawah surat kuasa wakil ini.

g) PERBELANJAAN GUAMAN DAN PERBELANJAAN BERKAITAN

Pelanggan perlu membayar semua fi guaman dan perbelanjaan berhubung dengan penyediaan, duti setem dan pendaftaran mana-mana dokumen sekuriti yang dikehendaki oleh Bank di bawah Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am walaupun dokumen tersebut tidak dilaksanakan oleh Pelanggan atas apa jua sebab. Jika apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan perlu didapatkan kembali melalui apa-apa proses undang-undang atau perlu diserahkan kepada peguam untuk pungutan, maka Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar fi peguamcara Bank (atas dasar peguamcara-klien) dan apa-apa fi dan perbelanjaan lain yang ditanggung berkaitan dengan pungutan tersebut.

h) PENEPIAN DAN KELONGGARAN

Terma dan syarat dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am boleh diketepikan oleh Bank secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan, tanpa menjejaskan hak Bank menurut Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am. Apa-apa kegagalan Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan menurut Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am atau apa-apa tolak ansur, penangguhan atau kelonggaran yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan tidak boleh ditafsirkan sebagai penepian hak Bank menurut Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am.

i) PEMBIAYAAN KREDIT UNTUK PIHAK YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN

Kelulusan Pembiayaan kepada Pelanggan adalah dengan syarat bahawa Bank sepenuhnya akan mematuhi apa-apa undang-undang yang terpakai, perundangan atau peraturan termasuk, peruntukan Seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Kuasa Bank untuk Menentukan Standard Perkara Berhemat*) dibaca bersama dengan Garis Panduan BNM berkenaan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan dengan Bank Islam dan/atau mana-mana garis panduan pengganti/spesifikasi/pekeliling yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa yang berkaitan dengannya.

Selain di atas, Pelanggan mengisytiharkan kepada Bank bahawa Pelanggan tidak berkaitan dengan/penjamin kepada/mengawal/dikawal oleh mana-mana pengarah, pemegang saham yang mengawal, pegawai-pegawai Kumpulan Perbankan RHB, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank dan saudara-mara mereka yang terdekat (pasangan dan tanggungan kepada pasangan, anak (termasuk anak tiri/ anak angkat) dan menantu, ibu bapa dan saudara lelaki atau perempuan dan pasangan-pasangan mereka).

Tiada pengarah, pemegang saham yang mengawal, pegawai-pegawai Kumpulan Perbankan RHB, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank dan saudara-mara rapat masing-masing adalah seorang pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen atau penjamin dalam firma/perkongsian/syarikat/entiti undang-undang dan/atau anak-anak syarikat/entiti-entiti yang dikawal oleh Pelanggan.

Pelanggan hendaklah pada setiap masa yang material berjanji untuk mengisytiharkan kepada Kumpulan Perbankan RHB jika terdapat hubungan dengan pihak berkaitan sepanjang tempoh Pembiayaan ini.

Sekiranya terdapat hubungan dengan pihak berkaitan yang tidak didedahkan ditemui kemudiannya, Bank berhak untuk menamatkan dan menarik balik Pembiayaan tersebut dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

J) AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 613) ("AMLA")

1. Pelanggan dengan ini mewakili, menjamin dan mengaku janji kepada Bank bahawa:
 - a) tidak terlibat, dan tidak boleh pada bila-bila masa melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - b) tidak pernah memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh pada bila-bila masa memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - c) tidak pernah mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, dan tidak boleh pada bila-bila masa mengalihkan dari atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - d) tidak merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, dan tidak boleh pada bila-bila masa merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (e) akan pada setiap masa mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Fasal 3 (a));
 - (f) akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya didapati telah melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Fasal 3 (a)) disebabkan oleh Pelanggan yang menyebabkan kesan undang-undang terhadap Bank; dan
 - (g) memahami bahawa apa-apa pelanggaran(-pelanggaran) yang disebabkan oleh AMLA dan syarat sanksi tidak boleh dirundingkan.

2. Bagi maksud Fasal ini, berikut adalah takrifannya

"peralatan kesalahan" bermaksud:

- a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, perlakuan mana-mana aktiviti haram; atau
- b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, perlakuan mana-mana aktiviti haram, sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia.

"hasil daripada aktiviti haram" bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia:

- a) yang keseluruhan atau sebahagiannya: -
 - (i) diperoleh atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
 - (ii) diperoleh atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut pada subperenggan (i); atau
 - (iii) diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut pada subperenggan (i) atau (ii); atau
- b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut pada subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup subperenggan (a) (i), (ii) atau (iii);

"harta" bermaksud:

- a) tiap-tiap jenis aset, sama ada zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperoleh; atau
- b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembang, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

"aktiviti haram" bermaksud: -

- a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau apa-apa kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"kesalahan berat" ertinya: -

- a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan itu; atau
- c) persahabatan mana-mana kesalahan itu;

"transaksi" termasuklah suatu perkiraan untuk membuka akaun yang melibatkan dua (2) orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain

3. Pelanggan mengaku dan bersetuju dengan Bank bahawa:-

- a) Bank berkewajiban untuk mematuhi semua undang-undang, pengawalseliaan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan amalan industri dan keperluan lain, termasuk tanpa had Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang dengannya Bank sebagai institusi kewangan Islamik berlesen boleh dari semasa ke semasa dikenakan di Malaysia (secara kolektif, "**Keperluan Peraturan**");
- b) Bank berhak untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa tindakan atau perkara bagi mematuhi Keperluan Peraturan;
- c) sekiranya Bank berpendapat bahawa apa-apa peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan permohonan Kemudahan, telah berlaku atau berbangkit, atau kelulusan permohonan untuk Kemudahan akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (keseluruhannya atau sebahagian daripadanya), termasuk tanpa had penerimaan Bank terhadap apa-apa amaran atau padanan nama positif daripada pemeriksaan yang berkaitan yang dilakukan ke atas Pelanggan, dan mana-mana pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam transaksi(-transaksi) dasar (termasuk tanpa had vendor/ pemaju/ penganjur/ ejen/ pemegang amanah/ pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka meskipun apa-apa yang bertentangan dengan yang terkandung dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan ini dan Syarat Pembiayaan termasuk terma dan Syarat Am, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari bekerja terlebih dahulu atau tempoh yang lebih pendek daripadanya seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan, berhak untuk:-
 - (i) Menanggihkan Kemudahan, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan bagi mematuhi Keperluan Peraturan; dan/atau
 - (ii) Membatalkan Kemudahan dan menamatkan hubungannya dengan Pelanggan, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan.
- d) Sekiranya Kemudahan dibatalkan/ditamatkan oleh Bank selaras dengan pematuhan Bank terhadap Keperluan Peraturan:
 - (i) tiada penggunaan atau penggunaan lanjut perkhidmatan dibawah Kemudahan akan dibenarkan; dan
 - (ii) Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan permuliharaan yang tersedia untuknya di bawah Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan ini dan Syarat Pembiayaan termasuk Terma dan Syarat Am dan dokumen-dokumen sekuriti/jaminan yang berkaitan, undang-undang yang berkenaan atau sebaliknya;
- e) Akan menyediakan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan oleh Bank (pada setiap masa sepanjang tempoh Kemudahan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;
- f) Pihak Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah Kemudahan ini sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima daripada agensi penguatkuasaan tersebut atau penamatan perintah itu (mana-mana yang terdahulu); atau melainkan terdapat perintah variasi.

k) AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 ("AKTA SPRM")

- a) Pelanggan dikehendaki membaca dan memahami Polisi Anti-Suapan dan Pencegahan Rasuah RHB Bank berhad yang boleh didapati di lama web Bank di www.rhbgroup.com. Sekiranya anda tidak memahami dasar, prosedur atau apa-apa pindaan yang berkaitan, anda boleh menghubungi Bahagian Integriti & Governans Kumpulan RHB di integrity.governance@rhbgroup.com.
- b) Pelanggan menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia mematuhi semua undang-undang, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank, termasuk semua undang-undang dan kehendak peraturan antirasuah dan anti-suapan, dan sentiasa mematuhi semua undang-undang tersebut, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank pada setiap masa. Pelanggan setuju bahawa ia akan bekerjasama dengan Bank untuk menyempurnakan setiap latihan verifikasi yang dijalankan oleh Bank mengikut dasar dan prosedur antirasuah Bank, termasuk penyediaan semua dokumen dan/atau maklumat yang diperlukan oleh Bank.
- c) Pelanggan selanjutnya menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia tidak atau disyaki telah memberikan, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menyetujui atau berusaha untuk melakukannya, dan tidak akan pada bila-bila masa memberikan, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, bersetuju atau berusaha untuk melakukan, sebarang bentuk suapan secara rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada atau dari mana-mana orang yang terhubung atau berkaitan dengan Pembiayaan atau urusan atau perniagaan Pelanggan ("**Orang**") untuk:
 - i. secara tidak wajar mempengaruhi sebarang tindakan, peninggalan atau keputusan oleh Orang itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenarnya atau dicadangkan atau kebarangkalian akan berlaku; atau
 - ii. secara tidak wajar mendorong Orang tersebut untuk menggunakan pengaruh Orang itu dengan atau pada mana-mana entiti atau orang lain untuk mempengaruhi tindakan, peninggalan atau keputusan oleh entiti tersebut atau orang lain; atau
 - iii. menjamin kelebihan yang tidak wajar.
- d) Bagi tujuan Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan, "suapan" memiliki maksud yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta SPRM (*Tafsiran*), yang dilampirkan di bawah:
 - i. wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau kelebihan lain yang seumpamanya;
 - ii. apa-apa jawatan, pangkat, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;
 - iii. apa-apa pembayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
 - iv. apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
 - v. apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
 - vi. apa-apa perkhidmatan atau sokongan dalam apa-apa bentuk, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau diberkas atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada telah dimulakan atau tidak, dan termasuk perlaksanaan atau menahan diri daripada melaksanakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan"
 - vii. apa-apa tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).



- e) Pelanggan bersetuju bahawa apabila berlakunya salah satu peristiwa yang dinyatakan di atas, pada kesempatan paling awal selepas itu, melaporkan kejadian tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau seorang pegawai polis, dan saluran pelaporan sulit (Speak Up Corner) Bank yang boleh didapati di laman web korporat Bank di www.rhbgroup.com. Kegagalan membuat laporan tersebut adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.
- f) Dengan berlakunya mana-mana aktiviti yang disebutkan di atas akan dianggap sebagai "Event of Default" (Peristiwa Ingkar) di bawah Pembiayaan dan Bank berhak dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak, kuasa dan usaha pemulihannya di bawah Pembiayaan atau oleh undang-undang atau sebaliknya, dan Bank akan membuat pendedahan yang diperlukan mengikut pematuhan undang-undang dan keperluan peraturan yang berkaitan.

i) PEMBERIAN MAKLUMAT/BIRO KREDIT

Pelanggan bersetuju bahawa selagi Pembiayaan ini masih berkuatkuasa atau belum dijelaskan kesemuanya, pihak Bank berhak untuk memberi maklumat tentang Pembiayaan (termasuk akaun masa kini atau akaun-akaun di masa akan datang dengan pihak Bank) kepada syarikat-syarikat yang menjadi atau akan menjadi syarikat induknya dan/atau anak-anak syarikatnya. Syarikat induk Bank dan anak-anak syarikatnya juga berhak untuk memberi maklumat kepada pihak Bank dan/atau anak-anak syarikatnya dengan syarat pihak Bank mengambil setiap langkah yang perlu untuk memastikan maklumat tersebut dirahsiakan dikalangan anak-anak syarikatnya/syarikat induk Bank.

Untuk makluman Pelanggan, BNM telah pun menubuhkan Biro Kredit (Credit Bureau). Tujuannya ialah untuk membolehkan sesebuah bank di Malaysia mendapatkan maklumat mengenai seseorang Pelanggan, pembiayaan kredit yang telah diberikan kepadanya oleh bank-bank yang lain, dan prestasinya. Oleh itu adalah menjadi syarat kepada Pembiayaan ini, dan adalah dianggap bahawa kebenaran Pelanggan (yang tidak boleh dimansuhkan) diberikan, untuk sebarang maklumat mengenai Pelanggan Pembiayaan ini, dan prestasi Pelanggan diberi secara sulit dan berterusan kepada Biro Kredit.

m) KEWAJIPAN UNTUK MENGESAHKAN PENYATA AKAUN/SIJIL BANK

- a) Pelanggan hendaklah mengesahkan semua penyata akaun yang dihantar oleh Bank kepada Pelanggan dan dalam tempoh masa lima (5) hari kalendar mengembalikannya kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam penyata akaun tersebut. Jika Pelanggan gagal berbuat demikian, penyata akaun tersebut akan disifatkan sebagai muktamad dan mengikat Pelanggan. Penyata daripada Bank dan ditandatangani oleh mana-mana pegawainya tentang pada bila-bila masa berapakah jumlah wang yang belum dijelaskan, melainkan apa-apa kesilapan nyata, adalah muktamad.
- b) Sekiranya Pelanggan memilih untuk e-Penyata dari senarai pilihan penyata, Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan telah membaca, bersetuju dan memahami kandungan yang dinyatakan dalam Terma & Syarat - Perjanjian Pengguna Penyata Elektronik ("T & S e-Penyata") dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan T & S e-Penyata tersebut. Bank berhak mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk mengubah, meminda, menambah dan/atau mengeluarkan mana-mana fasal dalam T & S e-Penyata tersebut, dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar sebelumnya dengan alasan kepada Pelanggan. Pelanggan boleh melihat T & S e-Penyata dengan melayari www.rhbgroup.com

n) AKAUN YANG DIGANTUNG

Apa-apa wang yang diterima oleh Bank berhubung dengan Pembiayaan boleh disimpan secara kredit ke dalam akaun yang digantung selama yang difikirkan sesuai oleh Bank sehingga jangka waktu maksimum seperti yang dibenarkan di bawah dasar dalaman Bank tanpa apa-apa obligasi pada waktu itu untuk menggunakannya atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan apa-apa liabiliti yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.

o) NOTIS-NOTIS & PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

A. Notis-notis

Apa-apa notis atau pemberitahuan menurut atau berkaitan dengan Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan boleh dilakukan secara

- (i) telefon, atau
- (ii) dengan bertulis dan diserahkan sendiri menggunakan pos berdaftar atau pos biasa, faksimili, mel elektronik, atau sistem pesanan ringkas ("SMS") ke alamat dan nombor telefon bimbit yang diberikan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan atau ke alamat lain / nombor telefon bimbit seperti yang penerima mungkin telah maklumkan kepada pihak yang satu lagi secara bertulis. Bukti pengeposan atau penghantaran apa-apa notis atau pemberitahuan hendaklah disifatkan sebagai bukti penerimaan (melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa notis atau pemberitahuan berkenaan tidak diterima oleh penerima):
- (a) jika melalui panggilan telefon, apabila ia dibuat;
- (b) jika dihantar dengan tangan, pada masa penyerahan;
- (c) jika melalui pos, selepas tamat tempoh tiga (3) *Hari Perniagaan dari tarikh surat dipos;
- (d) jika dihantar melalui faksimili, pada masa laporan penghantaran diterima oleh penghantar faksimili yang bertujuan untuk mengesahkan bahawa penerima telah menerima faksimili tersebut;
- (e) jika dihantar melalui mel elektronik, pada masa notis atau pemberitahuan benar-benar dihantar dalam bentuk boleh dibaca; dan
- (f) jika dihantar melalui SMS, pada masa SMS berjaya dihantar.

Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas apa-apa arahan, notis atau komunikasi dari Pelanggan yang dibuat melalui telefon, faksimili atau SMS kepada Bank dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan melepaskan Bank terhadap semua tindakan, guaman, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, caj, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti (melainkan disebabkan oleh kecuai berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan pihak Bank) berbangkit daripada, atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Bank mempercayai atau bertindak dengan suci hati menurut panggilan Pelanggan, faksimili atau arahan SMS, notis atau komunikasi walaupun arahan, notis atau komunikasi tersebut telah dimulakan atau disiarkan dengan kesilapan, diubah dengan niat jahat, salah faham atau diputarbelitkan semasa di dalam talian komunikasi atau penghantaran.

**Hari Perniagaan" bermaksud hari Bank dibuka untuk perniagaan.

B. Penyampaian Proses Undang-Undang

- (a) Penyampaian apa-apa Proses Undang-Undang boleh diberikan melalui kiriman pos berdaftar prabayar atau pos biasa yang dihantar

- ke alamat pihak yang berkenaan dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan dan Proses Undang-Undang tersebut akan disifatkan sebagai telah disampaikan sewajarnya (melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa Proses Undang-Undang berkenaan tidak diterima oleh pihak yang berkenaan) selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh penghantarannya dan jika diserahkan dengan tangan, pada hari ia diserahkan.
- (b) Pertukaran alamat penyampaian walau dalam apa cara sekali pun tidak akan berkuat kuasa atau mengikat kedua-dua pihak kecuali pihak tersebut telah memberi pihak yang satu lagi notis sebenar tentang pertukaran alamat penyampaian dan apa jua yang dilakukan menurut subseksyen (a) di atas tidak akan terlibat atau terjejas oleh apa-apa pertukaran berikutnya dalam alamat penyampaian yang tidak diketahui oleh pihak yang satu lagi pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.
 - (c) "Proses Undang-Undang" bermaksud prosiding, semua bentuk proses pemula, apa jua jenis permohonan interlokutori, affidavit, perintah dan dokumen seumpamanya selain yang dinyatakan sebelum ini yang perlu diberi kepada pihak yang satu lagi dalam Borang Permohonan dan Surat Tawaran Pembiayaan, dan notis di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Insolvency 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.

p) URUSAN TERHAD

- a) Pelanggan bersetuju untuk tidak menggunakan Pembiayaan ini atau menggunakan sebarang hasil daripadanya, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk sebarang perniagaan yang berkaitan dengan ganja dan/atau bahan terlarang lain atau penanamannya, atau untuk sebarang tujuan sampingan yang berkaitan dengannya.
- b) Memahami bahawa pembukaan akaun atau mewujudkan hubungan perniagaan untuk senario di bawah adalah TIDAK dibenarkan :-

Iran/ Korea Utara	Semua dilarang
Cuba/ Syria/ Crimea/ Sevastopol	Urusniaga dengan unsur-unsur berkaitan Amerika Syarikat (matawang dollar, individu, syarikat, negara, barangan dll.) tidak dibenarkan dan tiada pembiayaan perdagangan dengan Crimea atau Sevastopol.
Rusia	Hubungan perniagaan atau transaksi yang melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> • Tentera Rusia, • Entiti kerajaan Rusia yang berkaitan dengan tentera Rusia • Industri minyak dan gas, secara langsung atau tidak langsung, ke Rusia atau untuk kegunaan di Rusia. • Terbitan dan perdagangan dalam hutang, ekuiti dan instrument kewangan yang serupa (iaitu sekuriti dan instrument pasaran kewangan) kepada SSI
Venezuela	Hubungan perniagaan atau transaksi yang melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> • Tentera Venezuela, • Kerajaan Venezuela termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ○ Mana-mana sub-bahagian politik, agensi, atau perantara, termasuk Bank Pusat Venezuela dan Petroleos de Venezuela, S.A. (PdVSA); dan ○ Mana-mana individu yang dimiliki atau dikawal oleh, atau bertindak untuk, atau bagi pihak kerajaan Venezuela